

MRT: Penduduk Kajang jangka tambahan rezeki

KUALA LUMPUR 9 Julai - Kajang yang sinonim dengan juadah sate serta kesesakan jalan bakal menyaksikan perubahan ketara apabila projek Lembah Klang My Rapid Transit (MRT) yang menghubungkan pekan itu dan Sungai Buloh siap pada 2016.

Selain memberi kemudahan kepada 10 juta pengguna, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ketika melancarkan projek itu tahun lepas menyatakan Kajang bakal menerima limpahan ekonomi antara RM8 bilion dan RM12 bilion.

Rata-rata penduduk yang ditemui *Bernama* menyambut baik jangkaan limpahan rezeki itu, dan pada masa yang sama menyatakan

rasa kepingin kepada 'sate' berperencah lama sebelum pilihan raya umum 2008, yang dianggap mereka lebih enak berbanding 'sate' atau wakil rakyat sekarang.

Mereka berpandangan dengan adanya MRT, mereka memerlukan wakil rakyat berkaliber yang bukan sahaja dapat memastikan limpahan rezeki dinikmati semua tetapi turut menyelesaikan pelbagai masalah termasuk banjir yang membelenggu pekan itu kebelakangan ini.

"Pembangunan sama saja, bangunan mahkamah saja yang baru itu pun kerajaan persekutuan punya. Itu papan tanda terima kasih ada mereka buat, daripada buat papan tanda lagi bagus *upgrade* longkang dan

sungai elak banjir," kata seorang penduduk **T. Sukumaran**, 63.

Pesara kerajaan itu yang telah tinggal di pekan tersebut sejak 40 tahun lepas berkata, beliau yakin MRT bakal meletakkan Kajang sebagai antara bandar terbaik di Selangor jika diurus wakil rakyat yang berkaliber.

Seorang lagi penduduk, **Firdaus Md. Daud**, 37, berkata memilih pemimpin yang baik umpama memilih sate di Kajang kerana tidak semua tempat menyediakan sate yang enak.

"Seperti sate, seorang pemimpin mesti cukup ramuannya seperti amanah, tanggungjawab dan nilai murninya semua mesti seimbang. Sate sedap juga mesti ada cara perap yang baik sama seperti pemimpin

yang perlu 'diperap' (ada pengaliran) dengan baik," katanya.

Pekerja swasta itu berkata, pemimpin yang dipilih penduduk Kajang perlu mengatasi pelbagai masalah yang dialami masyarakat dan antara yang terpenting ialah isu sampah dan banjir di kawasan itu.

"Memang seluruh negara tahu masalah sampah di Selangor, di Kajang pun sama juga. Sampah memang pungut tapi ambil masa lama, dulu tiga atau empat kali seminggu sekarang dapat dua kali pun susah... dapat sekali pun cukup baik.

"Tahun lepas banjir di Kajang teruk, akhir sekali banjir seteruk itu masa 70-an dulu ada sekali. Orang

kata longkang banyak tersumbat pasal sampah, dah sampah tak angkat tersumbatlah longkang," katanya.

Sementara itu, pemilik kedai fotostat, **Madeline Chiew**, 48, pula berkata bagi menentukan warga Kajang dapat merasai limpahan projek daripada MRT, mereka memerlukan wakil rakyat yang dapat bekerjasama dengan kerajaan pusat.

"Perlu ada wakil rakyat senang didekati oleh penduduk dan faham dengan segala masalah yang dihadapi rakyat agar setiap projek pembangunan yang dijalankan akan dapat dimanfaatkan oleh semua tanpa mengira bangsa serta fahaman politik," katanya. - **BERNAMA**